

Rujukan Kami: USM/BPI/192/2/26/(1A) Jld. 3
Tarikh: 9 Disember 2016

Canselor

11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia
T : 604 653 2628 / 653 2466 / 653 2459
F : 604 656 9298 / 653 4961
E : dir_corp@usm.my
W : www.bpi.usm.my

Semua Dekan dan Pengarah
Pusat Pengajian/ Pusat Kecemerlangan
Penyelidikan/ Institut
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato' / Datin/ Tuan/ Puan,

PENGAUDITAN DALAMAN PEMBANGUNAN PTJ BAGI TAHUN 2016

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Pembangunan Institusi (BPI) kini dalam proses mengumpul dan menyediakan maklumat bagi tujuan pengauditan dalaman pembangunan PTJ untuk tahun penilaian 2016. Sehubungan itu, pihak kami memohon kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk menyediakan data dan maklumat berkaitan bagi tujuan tersebut.
3. Mohon pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan mengambil perhatian bahawa *KPI Monitoring System (KPI-MS)* V3 akan dibuka untuk kemasukan dan kemaskinian data KPI PTJ bermula pada **21 Disember 2016**. Lanjutan daripada itu, satu taklimat penggunaan *KPI Monitoring System (KPI-MS)* V3 dan kemasukan data aktiviti MoU/MoA akan diadakan dan dimaklumkan tarikhnya kemudian.
4. Format penyenaraian dan dokumen sokongan dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* perlu diserahkan kepada pihak BPI sebelum atau pada **12 Januari 2017**. Dokumen sokongan iaitu senarai data bersama bahan bukti hendaklah disusun secara teratur mengikut seksyen yang berkaitan. Maklumat dalam bentuk *softcopy* boleh dihantar melalui e-mel di bawah atau CD dan diserahkan kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Institusi.
5. Mohon di ambil perhatian bahawa pihak kami telah membuat beberapa perubahan kepada glosari dan penyenaraian induk (*masterlist*) berdasarkan kepada glosari MyRA pindaan tahun 2016. Sehubungan itu, Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh memuat turun format penyenaraian induk (*Masterlist*) dan **Glosari** tersebut melalui alamat berikut: <http://www.kpims.usm.my/>.
6. Pihak PTJ tidak perlu menyediakan bahan bukti bagi maklumat/ data yang boleh dicapai melalui sistem aplikasi universiti (cth. **Sistem Maklumat Universiti – Staf & Pelajar, Sistem eR&I dan Penerbitan berindeks daripada Sistem KPI-MS**) secara atas talian. Pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan perlu menyediakan bahan bukti sekiranya mempertikaikan data yang diperolehi dari sistem tersebut. Di samping itu, mohon PTJ YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengambil inisiatif untuk mengemaskini atau membetulkan data berkaitan di sistem maklumat universiti.

PENGAUDITAN DALAMAN PEMBANGUNAN PTJ BAGI TAHUN 2016


7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

<i>Puan Fa'izah Md Zain</i>	: <i>faizah@usm.my</i>	(ext. 6359)
<i>Puan Norlela Hashim</i>	: <i>norlela@usm.my</i>	(ext. 2625)
<i>Cik Eliza Mohd Rasid</i>	: <i>elizamr@usm.my</i>	(ext. 3896)
<i>Puan Haslinda Zakaria</i>	: <i>haslindaz@usm.my</i>	(ext. 4317)
<i>Puan Siti Hawa Mat Junoh</i>	: <i>sitihawa@usm.my</i>	(ext. 6141)
<i>Puan Siti Anurra Ishak</i>	: <i>sitianurra@usm.my</i>	(ext. 3897)
<i>Encik Mohd Azwan Abdullah</i>	: <i>mohdazwan@usm.my</i>	(ext. 6387)
<i>Encik Izyuzal Idris</i>	: <i>izyuzal@usm.my</i>	(ext. 3364)
<i>Puan Shaibah Nor Ali</i>	: <i>shaibah@usm.my</i>	(ext. 6390)
<i>Puan Rozy Manan</i>	: <i>rozy@usm.my</i>	(ext. 4239)

Kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan terhadap persediaan serta penyaluran maklumat bagi tujuan pengauditan dalaman pembangunan PTJ adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'



(PROFESOR DR. PHUA KIA KIEN)
Pengarah

s.k. YBhg. Profesor Datuk Dr. Asma Ismail
Naib Canselor
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Profesor Dr. Wan Ahmad Kamil Che Mahmood
Penolong Naib Canselor
Kecemerlangan Institusi
Universiti Sains Malaysia